

## Program 'i-Backpackers: Kembara Varsity dan Kerjaya Untuk Pelajar Sekolah

Pusat Asasi Sains Pertanian UPM akan melaksanakan **Program 'i-Backpackers: Kembara Varsity dan Kerjaya Untuk Pelajar Sekolah** pada 23 November 2016 dan 13 Disember 2016 bertempat di Pusat Asasi Sains Pertanian UPM.

Melalui program ini pelajar akan dapat merasai pengalaman yang menyenangkan berada di persekitaran pembelajar university dan bidang – bidang pengajian yang ditawarkan oleh UPM terutamanya Asasi Sains Pertanian.



Mungkin ramai yang tertanya-tanya tentang Program Asasi Sains Pertanian, kemana hala tuju program ini, bagai mana untuk mengikuti program ini dan pelbagai persoalan terlintas diminda. Melalui program ini semua pertanyaan dan kemusykilan anda akan terjawab.

Istimewanya **Program 'i-Backpackers: Kembara Varsity dan Kerjaya Untuk Pelajar Sekolah** ini pihak kami telah menyusun beberapa aktiviti khas yang boleh menjadi sumber pembelajaran yang menyenangkan untuk pelajar. Antaranya adalah "Alien Game" yang memerlukan pelajar mengaplikasikan pelbagai teknik pembelajaran seperti fizik, kimia dan biologi.

Impak kepada program pelajar dijangka akan dapat memahami tentang konsep, aplikasi, pengendalian mikroskop yang betul, analisis dan membuat laporan serta 'Leader-follower relationship.

